

## 80 pelajar sertai Pertandingan Program Roboact

**KUANTAN 2 Dis.** - Seramai 80 pelajar dari 13 buah sekolah rendah dan menengah di sekitar Pekan dan Kuantan menyertai Pertandingan Program Roboact 2014 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini baru-baru ini.

Pengarah program, Profesor Madya Dr. Hamzah Ahmad berkata, program yang diadakan sehari itu bertujuan memupuk pemikiran kreatif di kalangan pelajar terutama dalam bidang sains dan teknologi.

"Ianya memberi galakan kepada generasi muda untuk mendalami bidang ini yang merupakan keper-

luan penting masyarakat moden.

"Pelajar dan guru juga berpeluang meningkatkan kemahiran dalam mereka bentuk pelbagai aplikasi menggunakan *Lego Mindstorm* selain mengetahui penggunaan bahasa *programming* yang mudah," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, penyertaan pelajar membabitkan 20 kumpulan yang terdiri di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.

"Penganjuran pertandingan adalah selari dengan *Program Lego Mindstorm: Learns to Innovate* dan mendapat kerjasama daripada

pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)," katanya.

Katanya lagi, pelajar boleh merehatkan minda dari tekanan pembelajaran di peringkat sekolah melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di samping memupuk kesedaran tentang kepentingan idea dan inovasi dalam melahirkan generasi yang berwawasan.

Majlis penutup pertandingan itu disempurnakan oleh Dekan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP, Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan.